



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KPWKM SANTUNI KEPERLUAN MANGSA BENCANA INSIDEN TANAH RUNTUH, BATANG KALI, SELANGOR

Putrajaya, 17 Disember - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) turut memainkan peranan dalam misi bantuan kepada mangsa dan keluarga yang terlibat dalam insiden tanah runtuh yang berlaku di tapak perkhemahan *Father's Organic Farm*, Batang Kali, Hulu Selangor.

JKM telah mengagihkan bekalan makanan, keperluan asas seperti selimut, toto, tuala dan *hygiene kit* kepada mangsa yang diselamatkan. Pegawai Psikologi JKM turut ditempatkan di Balai Polis Hulu Yam Bharu untuk menjalankan Intervensi Krisis dan Sokongan Psikologi (IKSP) kepada mangsa dan keluarga mangsa yang trauma berikutan insiden tersebut. Semalam, JKM juga telah bersedia menempatkan barangan keperluan asas di Sekolah Kebangsaan Hulu Yam untuk dijadikan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) sekiranya perlu dan arahan terkini pada malam tadi menyatakan tiada keperluan untuk mengaktifkan PPS.

Pada hari ini, JKM sentiasa berhubung dan bersedia menerima arahan selanjutnya daripada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) ataupun Pejabat Daerah untuk membantu di tempat kejadian. JKM juga bekerjasama rapat dengan pihak hospital dalam memastikan mangsa dan keluarga mendapat bantuan sokongan psikososial yang sewajarnya.

Selain itu, KPWKM melalui JKM dan Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM) bersedia menghubungi mangsa dan keluarga yang terkesan selepas mendapat maklumat yang lengkap untuk menawarkan perkhidmatan bantuan sokongan psikososial seperti kaunseling bagi tempoh yang bersesuaian.

Sama-samalah kita berdoa agar kerja-kerja mencari dan menyelamatkan dapat dilaksanakan dengan lancar dan semoga mangsa-mangsa lain dapat ditemui dengan segera.

**UNIT PERHUBUNGAN AWAM
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT**